

BAB IV

LAPORAN KAJIAN DAN ANALISA DATA

4.1 Pendahuluan

Di bahagian ini, pengkaji akan membentangkan laporan hasil dari penganalisaan data bersumberkan borang soalselidik yang telah diedarkan kepada responden. Susunan analisis akan disempurnakan berasaskan urutan objektif penyelidikan seperti dinyatakan dalam bab satu. Selain daripada itu, pengkaji juga membuat ulasan dan penilaian terhadap dapatan kajian dan penganalisaan data.

Sebanyak 250 borang soalselidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada para pelajar kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS) di Institusi Pengajian Tinggi Awam Universiti Utara Malaysia yang diambil secara rawak. Hanya 200 (80.0%) borang soal selidik telah dikembalikan. Secara perbandingannya responden dari kategori Melayu, seramai 124 (82.7%) mengembalikan soalselidik, manakala responden Cina seramai 41 (82.0%), India seramai 21 (70.0%) dan lain-lain seramai 14 (70.0%) telah mengembalikan borang soal selidik.

4.2 Ciri-ciri Demografi Sampel Kajian

Seramai 200 orang responden telah menjadi sampel kajian (N=200) sebagai mewakili populasi pelajar-pelajar yang sedang dan telah mengikuti kursus TITAS di Institusi Pengajian Tinggi Awam, Universiti Utara Malaysia. Ciri-ciri

demografi responden sebagai sampel kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4. 1, Taburan demografi responden.

Ciri-ciri demografi yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah jantina, umur, bangsa, agama, tahap pengetahuan agama, tahun pengajian, sekolah terakhir dan negeri asal responden.

Dari segi jantina seramai 38 (19.0%) adalah lelaki dan 162 (81.0%) adalah perempuan. Didapati majoriti responden iaitu 179 (89.5%) adalah dari kategori umur antara 21 – 24 tahun dan selebihnya 21 (10.5%) dari kategori umur 25 – 30 tahun. Etnik Melayu merupakan kumpulan responden terbesar iaitu 124 orang (62.0%), diikuti etnik Cina 41 orang (20.5%), India 21 orang (10.5%), Bumiputera Sabah 6 orang (3.0%) dan Bumiputera Sarawak 8 orang (4.0%).

Dari segi tahap pengetahuan pendidikan berkaitan agama Islam responden, didapati 11 responden (5.5%) adalah setakat Penilaian Menengah Rendah, 53 responden (26.5%) sehingga Sijil Pelajaran Malaysia, 56 responden (28.0%) sehingga Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), 7 responden sehingga berkelulusan Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA), 28 responden (14%) berkelulusan tahap Politeknik, 15 responden (7.5%) berkelulusan Matrikulasi, 7 responden (3.5%) sehingga berkelulusan tahap Diploma, 14 responden (7.0%) berkelulusan Universiti Utara Malaysia dan 9 responden (4.5%) berkelulusan daripada lain-lain institusi.

Dari segi tempoh tahun pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam, didapati seorang responden (0.5%) sedang belajar di tahun satu pengajian, 22 responden (11.0%) berada di tahun dua pengajian, 150 responden (75.0%) pelajar tahun tiga dan 27 responden lagi (13.5%) merupakan pelajar pengajian tahun empat. Dari segi sekolah terakhir di mana pelajar belajar sebelum ke Institusi Pengajian Tinggi Awam didapati 179 orang (98.5%) dari sekolah menengah kerajaan, seorang (0.5%) daripada sekolah menengah agama milik kerajaan dan dua orang (1.0%) daripada sekolah agama rakyat.

Dari segi negeri asal responden, didapati 12 orang responden (6.0%) masing-masing berasal dari negeri Perlis dan Pulau Pinang, 58 orang responden (29.0%) dari negeri Kedah, 16 orang responden (8.0%) dari negeri Perak, 10 orang responden (5.0%) masing-masing dari negeri Pahang dan Johor, 26 orang responden (13.0%) dari negeri Kelantan, 21 orang responden (10.5%) dari negeri Terengganu, seorang responden (0.5%) dari negeri Melaka, 7 orang responden (3.5%) dari negeri Sabah, 11 orang responden (5.5%) dari negeri Sarawak, 4 orang responden (2.0%) masing-masing dari Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan dan, 8 orang responden (4.0%) dari negeri Selangor.

Jadual 4. 1 : Taburan Demografi Responden

Unsur Demografi	Bilangan	Peratus
<i>Jantina</i>		
Lelaki	38	19.0
Perempuan	162	81.0
<i>Umur</i>		
21 – 24 Tahun	179	89.5
25 – 30 Tahun	21	10.5

Jadual 4.1 sambungan

<i>Etnik</i>		
Melayu	124	62.0
Cina	41	20.5
India	21	10.5
Bumiputra Sabah	6	3.0
Bumiputra Sarawak	8	4.0
<i>Agama Anutan</i>		
Islam	129	64.5
Kristian	14	7.0
Buddha	37	18.5
Hindu	20	10.0
Unsur Demografi	Bilangan	Peratus
<i>Tahap Pengetahuan</i>		
<i>Agama</i>		
SRP / PMR	11	5.5
SPM	53	26.5
STPM	56	28.0
KUSZA	7	3.5
POLITEKNIK	28	14.0
MATRIKULASI	15	7.5
DIPLOMA	7	3.5
UUM	14	7.0
LAIN-LAIN	9	4.5
<i>Tahun Pengajian</i>		
Tahun Satu	1	0.5
Tahun Dua	22	11.0
Tahun Tiga	150	75.0
Tahun Empat	27	13.5
<i>Sekolah Terakhir</i>		
SMK	197	98.5
SMKA	1	0.5
SAR	2	1.0
<i>Negeri Asal</i>		
Perlis	12	6.0
Kedah	58	29.0
Pulau Pinang	12	6.0
Perak	16	8.0
Pahang	10	5.0
Kelantan	26	13.0
Terengganu	21	10.5
Negeri Sembilan	4	2.0
Melaka	1	0.5
Johor	10	5.0
Sabah	7	3.5
Sarawak	11	5.5
Kuala Lumpur	4	2.0
Selangor	8	4.0

4.3 Analisa Pandangan Para Pelajar Terhadap Kursus Tamadun Islam Dan Asia (TITAS) Di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Responden dalam kajian ini diminta menjawab 13 item pernyataan yang berbentuk positif bagi menggambarkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) berasaskan skala 1 hingga 5 yang disediakan. Jadual 2 adalah keputusan ujian terhadap jawapan responden. Hasil analisis, didapati responden meletakkan Pengajaran dan Pembelajaran dengan nilai min 2.83. Responden juga diminta menjawab enam soalan lagi berkaitan pandangan mereka terhadap kandungan kursus TITAS 1 itu sendiri dengan nilai min 2.49, dan 13 item berkenaan pandangan responden mengenai Dinul Islam yang menunjangi subjek TITAS kertas 1 dengan nilai min 2.32. Secara keseluruhan pandangan terhadap TITAS ialah dengan nilai min 2.52.

Jadual 4.2 : Analisis Pandangan Para Pelajar Terhadap Aspek keberkesanan Pengajaran dan TITAS.1

Pandangan Para Pelajar Terhadap Kursus TITAS	Min	s.p
Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1)	2.83	0.39
Pandangan Terhadap Kandungan Subjek TITAS 1	2.49	0.68
Pandangan Mengenai Dinul Islam Yang Menunjangi TITAS Kertas 1	2.32	0.39
Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS 1	2.52	0.35

4.4 Analisa Perbezaan Tahap Umur, Frekuensi, Min, Sisihan Piawai Terhadap Pandangan Para Pelajar Kursus Tamadun Islam Dan Asia (TITAS 1)

Melihat kepada perbezaan usia terhadap pandangan para pelajar mengenai kursus TITAS 1 secara keseluruhan didapati nilai min pandangan secara keseluruhan terhadap TITAS 1 untuk kumpulan berumur 21 hingga 24 lebih tinggi berbanding kumpulan usia 25 hingga 30 tahun. Jadual 3 menunjukkan secara ringkas perbezaan min bagi pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua kumpulan umur (min, 2.84 kumpulan umur 21 hingga 24 tahun dan min, 2.73 kumpulan umur 25 hingga 30 tahun). Keadaan yang hampir sama juga dapat dilihat apabila menganalisis min bagi aspek-aspek penting Islam (min, 2.34 kumpulan umur 21 hingga 24 tahun dan min, 2.11 kumpulan umur 25 hingga 30 tahun). Keadaan sebaliknya berlaku terhadap kandungan TITAS bila min kumpulan berusia 25 hingga 30 tahun lebih tinggi berbanding dengan min kumpulan berumur 21 hingga 24 tahun (min 2.54 kumpulan umur 21 hingga 24 tahun dan min, 2.69 kumpulan umur 25 hingga 30 tahun).

Jadual 4.3 : Perbezaan Tahap Umur, Frekuensi, Min, Sisihan Piawai Terhadap Pandangan Para Pelajar Kursus TITAS 1

ITEM	TAHAP UMUR	FREKUENSI	MIN	SISIHAN PIAWAI
Pengajaran dan Pembelajaran TITAS	21-24	179	2.8431	.3925
	25-30	21	2.7302	.3707
	Jumlah	200	2.8313	.3909
Kandungan TITAS	21-24	179	2.5428	.6797
	25-30	21	2.0952	.4988
	Jumlah	200	2.4958	.6761
Aspek-Aspek Penting Islam	21-24	179	2.3477	.4062
	25-30	21	2.1172	.2428
	Jumlah	200	2.3235	.3981
Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS	21-24	179	2.5463	.3563
	25-30	21	2.3274	.2100
	Jumlah	200	2.5233	.3500

4.5 Analisa Perbezaan Agama, Frekuensi, Min dan Sisihan Piawai Terhadap Pandangan Para Pelajar Kursus Tamadun Islam Dan Asia (TITAS 1)

Melihat kepada perbezaan agama terhadap pandangan para pelajar mengenai kursus TITAS 1 secara keseluruhan didapati nilai min pandangan secara keseluruhan terhadap TITAS 1 untuk responden beragama Kristian (min, 2.92) diikuti Buddha (min, 2.88), Hindu (min, 2.69) dan Islam (min, 2.34). Jadual 4 menunjukkan secara ringkas perbezaan min pengajaran dan pembelajaran bagi kumpulan berbeza agama. (min, 3.11 Buddha, diikuti min, 2.93 Kristian, manakala min 2.9 untuk Hindu dan 2.71 Islam) .

Kedaaan yang hampir sama dapat dilihat apabila menganalisis min bagi aspek-aspek penting Islam. (min, 2.67 Buddha, diikuti min, 2.96 Kristian, manakala min 2.50 untuk Hindu dan 2.13 Islam) dan kandungan kursus TITAS (min, 3.07 Buddha, diikuti min, 3.01 Kristian, manakala min 2.76 untuk Hindu dan 2.33 Islam).

Jadual 4.4 : Perbezaan Agama, Frekuensi, Min, Sisihan Piawai Terhadap Pandangan Para Pelajar Kursus TITAS 1.

ITEM	AGAMA	N	MIN	SISIHAN PIAWAI
Pengajaran dan Pembelajaran	Islam	129	2.7196	.3761
	Kristian	14	2.9345	.2097
	Buddha	37	3.1126	.3612
	Hindu	20	2.9583	.3261
	Jumlah	200	2.8313	.3909
Kandungan TITAS	Islam	129	2.2339	.4689
	Kristian	14	3.0119	.5369
	Buddha	37	3.0721	.7773
	Hindu	20	2.7583	.7637
	Jumlah	200	2.4958	.6761

Jadual 4.4 ' sambungan'

ITEM	AGAMA	N	MIN	SISIHAN PIAWAI
Aspek - Aspek Penting Islam	Islam	129	2.1282	.2565
	Kristian	14	2.9615	.2906
	Buddha	37	2.6674	.3412
	Hindu	20	2.5000	.3417
	Jumlah	200	2.3235	.3981
Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS	Islam	129	2.3486	.2226
	Kristian	14	2.9241	.2032
	Buddha	37	2.8860	.3330
	Hindu	20	2.6984	.3114
	Jumlah	200	2.5233	.3500

4.6 Analisa Perbezaan Bangsa, Frekuensi, Min, Sisihan Piawai Terhadap Pandangan Para Pelajar Kursus Tamadun Islam Dan Asia (TITAS 1)

Melihat kepada perbezaan bangsa terhadap pandangan para pelajar mengenai kursus TITAS 1 secara keseluruhan didapati nilai min pandangan secara keseluruhan terhadap TITAS 1 untuk responden berbangsa Cina (min, 2.89) diikuti Bumiputera Sarawak (min, 2.89), India (min, 2.72), Bumiputera Sabah (min 2.41) dan Islam (min, 2.35). Jadual 5 menunjukkan secara ringkas perbezaan min pengajaran dan pembelajaran bagi kumpulan berbeza keturunan (min, 3.08 Cina, diikuti min, 2.98 India, manakala min 2.92 untuk Bumiputera Sarawak, 2.73 Melayu dan 2.67 Bumiputera Sabah).

Keadaan yang hampir sama dapat dilihat apabila menganalisis min bagi kandungan TITAS (min 3.10 Cina, diikuti min 2.89 Bumiputera Sabah, manakala min 2.85 untuk Bumiputera Sarawak, min 2.78 India dan min 2.21

Melayu) dan aspek-aspek penting Islam (min 2.96 Bumiputera Sarawak, diikuti min 2.69 Cina, manakala min 2.53 untuk India, 2.14 Melayu dan 2.01 Bumiputera Sabah)

Jadual 4.5 : Perbezaan Berasaskan Bangsa, Frekuensi, Min, Sisihan Piawai Terhadap Pandangan Para Pelajar Kursus TITAS satu

ITEM	TAHAP UMUR	FREKUENSI	MIN	SISIHAN PIAWAI
Pengajaran dan Pembelajaran	Melayu	124	2.7251	.3818
	Cina	41	3.0833	.3575
	India	21	2.9802	.3332
	Bumiputra Sabah	6	2.6667	.2415
	Bumiputra Sarawak	8	2.9167	.1543
	Jumlah	200	2.8313	.3909
Kandungan TITAS	Melayu	124	2.2056	.4464
	Cina	41	3.1016	.7763
	India	21	2.7778	.7497
	Bumiputra Sabah	6	2.8889	.4792
	Bumiputra Sarawak	8	2.8542	.3500
	Jumlah	200	2.4958	.6761
Sistem @aspek-aspek Penting Islam	Melayu	124	2.1390	.2531
	Cina	41	2.6979	.3535
	India	21	2.5275	.3561
	Bumiputra Sabah	6	2.0128	.4140
	Bumiputra Sarawak	8	2.9615	.2907
	Jumlah	200	2.3235	.3981
Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS	Melayu	124	2.3493	.2265
	Cina	41	2.8910	.3300
	India	21	2.7217	.3217
	Bumiputra Sabah	6	2.4167	.2216
	Bumiputra Sarawak	8	2.8945	.1192
	Jumlah	200	2.5233	.3500

4.7 Pengujian Hipotesis Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan pandangan para pelajar di Isntitusi Pendidikan Tinggi Awam terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS I) berdasarkan kepada beberapa ciri demografi iaitu: jantina, umur, bangsa, agama, peringkat mengambil subjek agama Islam dan sejarah Islam, tahun pengajian di IPTA, kategori sekolah menengah terakhir

dan negeri asal. Ujian statistik yang digunakan adalah ujian-t, dan ANOVA satu hala (*one way ANOVA*) pada aras signifikan 0.05.

Hipotesis 1

H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan para pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) di kalangan para pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) berdasarkan ciri-ciri demografi yang berbeza.*

Hipotesis ini dipecahkan kepada beberapa hipotesis lain berdasarkan kepada ciri-ciri demografi yang dipilih.

a. H_0 *Tidak terdapat perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran berdasarkan perbezaan kumpulan umur.*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 6. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 1.574$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran berdasarkan perbezaan kumpulan umur adalah disokong.

Jadual 4.6 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berbeza Dari Aspek Umur

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	.240	1	.240	1.574	.211
Dalam Kumpulan	30.169	198	.152		
Jumlah	30.409	199			

b. H_0 *Tidak terdapat perbezaan dalam kandungan TITAS berdasarkan perbezaan kumpulan umur*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 4.7. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 8.549$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang

mengatakan tidak terdapat perbezaan dalam kandungan TITAS I berasaskan perbezaan kumpulan umur tidak disokong.

Jadual 4.7 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Kandungan TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Umur

KANDUNGAN TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	3.765	1	3.765	8.549	.004
Dalam Kumpulan	87.203	198	.440		
Jumlah	90.969	199			

- c. H_0 *Tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting Islam yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan umur*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 8. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 6.470$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting Islam yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan umur tidak disokong.

Jadual 4.8 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Aspek-Aspek Penting Islam Yang Berbeza Dari Aspek Umur

ASPEK-ASPEK PENTING ISLAM	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	.998	1	.998	6.470	.012
Dalam Kumpulan	30.544	198	.154		
Jumlah	31.542	199			

- d. H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS I berasaskan perbezaan kumpulan umur*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 9. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 7.594$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang

mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS berasaskan perbezaan kumpulan umur tidak disokong.

Jadual 4.9 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Umur

PANDANGAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	.900	1	.900	7.594	.006
Dalam Kumpulan	23.478	198	.119		
Jumlah	24.379	199			

e. H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan berasaskan perbezaan kumpulan bangsa*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 10. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 8.886$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS berasaskan perbezaan kumpulan bangsa tidak disokong.

Jadual 4.10 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Bangsa

PANDANGAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	4.688	4	1.172	8.886	.000
Dalam Kumpulan	25.721	195	.132		
Jumlah	30.409	199			

f. H_0 *Tidak terdapat perbezaan kandungan TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan bangsa*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 11. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 22.943$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang

mengatakan tidak terdapat perbezaan tahap kandungan TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan bangsa tidak disokong.

Jadual 4.11: ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Kandungan TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Bangsa

KANDUNGAN TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	29.112	4	7.278	22.943	.000
Dalam Kumpulan	61.857	195	.317		
Jumlah	90.969	199			

g. H_0 *Tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting Islam yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan bangsa*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 12. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 42.446$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting Islam yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan bangsa tidak disokong.

Jadual 4.12 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Aspek-Aspek Penting Islam Yang Berbeza Dari Aspek Bangsa

ASPEK-ASPEK PENTING ISLAM	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	14.681	4	3.670	42.446	.000
Dalam Kumpulan	16.861	195	8.647E-02		
Jumlah	31.542	199			

h. H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan bangsa*

Hasil daripada ujian 'ANOVA Satu Hala' bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 13. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 42.088$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang

mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan bangsa tidak disokong.

Jadual 4. 13 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Bangsa

PANDANGAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	11.296	4	2.824	42.088	.000
Dalam Kumpulan	13.083	195	6.709E-02		
Jumlah	24.379	199			

- i. H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan bangsa*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 14. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 12.882$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan agama tidak disokong.

Jadual 4.14 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Agama

PANDANGAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	5.008	3	1.669	12.882	.000
Dalam Kumpulan	25.400	196	.130		
Jumlah	30.409	199			

- j. H_0 *Tidak terdapat perbezaan kandungan TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan agama*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 15. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F =$

26.494, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan kandungan TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan agama tidak disokong.

Jadual 4.15 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Kandungan TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Agama

KANDUNGAN TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	26.247	3	8.749	26.494	.000
Dalam Kumpulan	64.722	196	.330		
Jumlah	90.969	199			

- k. H_0 *Tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting Islam yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan agama*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 16. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 64.072$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting Islam yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan agama tidak disokong.

Jadual 4.16: ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Aspek-Aspek Penting Islam Yang Berbeza Dari Aspek Agama

ASPEK-ASPEK PENTING ISLAM	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	15.617	3	5.206	64.072	.000
Dalam Kumpulan	15.925	196	8.125E-02		
Jumlah	31.542	199			

- l. H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan agama*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 17. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F =$

59.960, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan agama tidak disokong.

Jadual 4.17 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Agama

PANDANGAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	11.667	3	3.889	59.960	.000
Dalam Kumpulan	12.712	196	6.486E-02		
Jumlah	24.379	199			

- m. H_0 *Tidak terdapat perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran berasaskan perbezaan kumpulan umur.*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 18. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 0.801$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran berasaskan perbezaan peringkat mengambil subjek agama Islam adalah disokong.

Jadual 4.18 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berbeza Dari Aspek Peringkat Mengambil Subjek Agama Islam

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	1.236	10	.124	.801	.628
Dalam Kumpulan	29.173	189	.154		
Jumlah	30.409	199			

- n. H_0 *Tidak terdapat perbezaan dalam tahap kandungan TITAS berasaskan perbezaan peringkat mengambil subjek agama Islam.*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 19. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 1.609$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan dalam tahap kandungan TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan yang mengambil subjek agama Islam adalah disokong.

Jadual 4.19 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Kandungan TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Peringkat Mengambil Subjek Agama Islam

KANDUNGAN TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	7.136	10	.714	1.609	.107
Dalam Kumpulan	83.833	189	.444		
Jumlah	90.969	199			

- o. H_0 *Tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting berasaskan perbezaan peringkat mengambil subjek agama Islam*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 20. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 4.210$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan aspek-aspek penting Islam berasaskan peringkat mengambil subjek agama Islam tidak disokong.

Jadual 4.20 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Aspek Penting Islam Yang Berbeza Dari Aspek Peringkat Mengambil Subjek Agama Islam

ASPEK-ASPEK PENTING ISLAM	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	5.746	10	.575	4.210	.000
Dalam Kumpulan	25.796	189	.136		
Jumlah	31.542	199			

- p. H_0 Tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan peringkat mengambil subjek agama Islam.

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 21. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 2.240$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan peringkat mengambil subjek agama Islam tidak disokong.

Jadual 4.21 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Pandangan Keseluruhan Terhadap TITASYang Berbeza Dari Aspek Peringkat Mengambil Subjek Agama Islam.

PANDANGAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	2.583	10	.258	2.240	.017
Dalam Kumpulan	21.796	189	.115		
Jumlah	24.379	199			

- q. H_0 Tidak terdapat perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran berasaskan perbezaan kumpulan negeri.

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 22. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 1.682$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran berasaskan perbezaan kumpulan negeri adalah disokong.

Jadual 4.22 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Tahap Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berbeza Dari Aspek Negeri

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	3.198	13	.246	1.682	.068
Dalam Kumpulan	27.211	186	.146		
Jumlah	30.409	199			

- r. H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan terhadap kandungan TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan negeri*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 23. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 3.696$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan tahap kandungan TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan negeri tidak disokong.

Jadual 4.23 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Kandungan TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Negeri

KANDUNGAN TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	18.673	13	1.436	3.696	.000
Dalam Kumpulan	72.295	186	.389		
Jumlah	90.969	199			

- s. H_0 *Tidak terdapat perbezaan pandangan aspek-aspek penting Islam yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan negeri*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 24. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 5.757$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan aspek-aspek penting yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan negeri tidak disokong.

Jadual 4.24 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Aspek-Aspek Penting Islam Yang Berbeza Dari Aspek Negeri

ASPEK-ASPEK PENTING ISLAM	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	9.050	13	.696	5.757	.000
Dalam Kumpulan	22.492	186	.121		
Jumlah	31.542	199			

- t. H_0 Tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan negeri

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 25. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 4.757$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pandangan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan negeri tidak disokong.

Jadual 4.25 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Tahap Pandangan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Negeri

PANDANGAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	6.083	13	.468	4.757	.000
Dalam Kumpulan	18.296	186	9.836E-02		
Jumlah	24.379	199			

Hipotesis 2

- H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap Kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) yang diajar berasaskan perbezaan ciri-ciri demografi yang berbeza.

Hipotesis ini dipecahkan kepada beberapa hipotesis lain berdasarkan kepada ciri-ciri demografi yang dipilih.

- a. H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap Kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) yang diajar berasaskan jantina.

Hasil daripada Ujian-t yang digunakan untuk menguji perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) yang berbeza dari segi jantina telah ditunjukkan dalam jadual 26. Didapati nilai t adalah -1.996 , adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian, hipotesis yang menyatakan tidak terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar

terhadap kursus tamadun Islam dan Asia berdasarkan kepada jantina adalah tidak disokong.

Jadual 4.26 : Keputusan Ujian-t Bagi Jantina Yang Berbeza Terhadap Sambutan Di Kalangan Para Pelajar Terhadap Kursus TITAS 1

Jantina	Bil.	Min	s.p	df	t	p
Lelaki	38	1.4474	0.50	198	-1.996	0.047
Perempuan	162	1.6235	0.49			

- b. H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan negeri.

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 27. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 2.802$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan negeri tidak disokong.

Jadual 4.27 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sambutan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Negeri

SAMBUTAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	7.923	13	.609	2.802	.001
Dalam Kumpulan	40.457	186	.218		
Jumlah	48.380	199			

- c. H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan agama

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 28. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 11.671$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang

mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan negeri tidak disokong.

Jadual 4.28 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sambutan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Agama

SAMBUTAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	7.333	3	2.444	11.671	.000
Dalam Kumpulan	41.047	196	.209		
Jumlah	48.380	199			

- d. H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan sekolah terakhir.

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 29. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 2.207$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan sekolah menengah terakhir disokong.

Jadual 4.29 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sambutan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Sekolah Sekolah Menengah Terakhir.

SAMBUTAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	1.060	2	.530	2.207	.113
Dalam Kumpulan	47.320	197	.240		
Jumlah	48.380	199			

- e. H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan umur

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 30. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 0.081$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang

mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan umur disokong.

Jadual 4.30 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sambutan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Umur.

SAMBUTAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	1.980E-02	1	1.980E-02	.081	.776
Dalam Kumpulan	48.360	198	.244		
Jumlah	48.380	199			

f. H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan bangsa

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 31. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 9.687$, adalah signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan bangsa tidak disokong.

Jadual 4.31 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sambutan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Bangsa.

SAMBUTAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	8.020	4	2.005	9.687	.000
Dalam Kumpulan	40.360	195	.207		
Jumlah	48.380	199			

g. H_0 Tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan tahap pengetahuan

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 32. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 1.417$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan tahap pengetahuan disokong.

Jadual 4.32 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sambutan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Tahap Pengetahuan

SAMBUTAN KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	3.375	10	337	1.417	.175
Dalam Kumpulan	45.005	189	238		
Jumlah	48.380	199			

Hipotesis 3

H_0 Tidak terdapat perbezaan sikap di kalangan para pelajar terhadap Kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) yang diajar berasaskan perbezaan ciri-ciri demografi yang berbeza.

Hipotesis ini dipecahkan kepada beberapa hipotesis lain berdasarkan kepada ciri-ciri demografi yang dipilih.

a. H_0 Tidak terdapat perbezaan sikap di kalangan para pelajar terhadap Kursus TITAS 1 berasaskan jantina.

Hasil daripada Ujian-t yang digunakan untuk menguji perbezaan sikap di kalangan para pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) yang berbeza dari segi jantina telah ditunjukkan dalam jadual 33. Didapati nilai t adalah 0.556, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian, hipotesis yang menyatakan tidak terdapat perbezaan sikap di kalangan para pelajar terhadap kursus tamadun Islam dan Asia berdasarkan kepada jantina adalah disokong.

Jadual 4.33: Keputusan Ujian-t Bagi Jantina Yang Berbeza Terhadap Sikap Di Kalangan Para Pelajar Terhadap Kursus TITAS 1

Jantina	Bil.	Min	s.p	df	t	p
Lelaki	38	2.5789	1.3483	198	0.556	0.579
Perempuan	162	2.4630	1.1097			

- b. H_0 Tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan negeri

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 34. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 0.760$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan negeri disokong.

Jadual 4.34 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sikap Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Negeri

SIKAP KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	13.417	13	1.032	0.760	.701
Dalam Kumpulan	252.538	186	1.358		
Jumlah	265.955	199			

- c. H_0 Tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan agama

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 35. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 0.607$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan agama disokong.

Jadual 4.35 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sikap Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Agama

SIKAP KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	2.450	3	.817	0.607	.611
Dalam Kumpulan	263.505	196	1.344		
Jumlah	265.955	199			

- d. H_0 Tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan sekolah terakhir.

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 36. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 0.274$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan sekolah menengah terakhir disokong.

Jadual 4.36 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sikap Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Sekolah Sekolah Menengah Terakhir.

SIKAP KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	.737	2	.368	.274	.761
Dalam Kumpulan	265.218	197	1.346		
Jumlah	265.955	199			

- e. H_0 *Tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan umur*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 37. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = 0.578$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan umur disokong.

Jadual 4.37 : ANOVA Sehalu Untuk Melihat Sikap Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Sekolah Sekolah Menengah Terakhir.

SIKAP KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	.774	1	.774	.578	.448
Dalam Kumpulan	265.181	198	1.339		
Jumlah	265.955	199			

- f. H_0 *Tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan bangsa*

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 38. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = .461$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan kumpulan bangsa disokong.

Jadual 4.38 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Sikap Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Bangsa

SIKAP KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	2.490	4	.622	.461	.764
Dalam Kumpulan	263.465	195	1.351		
Jumlah	265.955	199			

g. H_0 Tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap TITAS yang diajar berasaskan perbezaan tahap pengetahuan.

Hasil daripada ujian ANOVA Satu Hala bagi menguji hipotesis, ditunjukkan dalam jadual 39. Hasil daripada analisis telah mendapati nilai $F = .929$, adalah tidak signifikan pada $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis yang mengatakan tidak terdapat perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS yang diajarkan berasaskan perbezaan tahap pengetahuan disokong.

Jadual 4.39 : ANOVA Sehala Untuk Melihat Sambutan Keseluruhan Terhadap TITAS Yang Berbeza Dari Aspek Tahap Pengetahuan

SIKAP KESELURUHAN TERHADAP TITAS	JUMLAH GANDADUA	df	GANDADUA MIN	F	P
Antara Kumpulan	12.458	10	1.246	.929	.508
Dalam Kumpulan	253.497	189	1.341		
Jumlah	265.955	199			

4.8 Ulasan dan Penilaian

Secara amnya, kajian ini mendapati majoriti responden berpandangan positif terhadap Islam yang menunjangi kursus TITAS satu. Ini dapat dibuktikan keterangan dari jadual di halaman sebelah. (rujuk Jadual 4.40),

Jadual 4.40: Pandangan para pelajar terhadap aspek aspek penting Islam.

Pernyataan mengenai Islam	Sangat setuju	Setuju	Kurang pasti
Islam adalah satu cara hidup	117(58.5%)	52(26%)	22(11%)
Islam agama kesejahteraan dan keamanan	115(57.5%)	52(26%)	24(12%)
Islam membawa kemajuan	92(46%)	61(30.5%)	35(17.5%)
Islam bersifat universal dan global	110(55%)	49(24.5%)	12(6%)


Pandangan positif terhadap Islam yang diberikan oleh responden adalah berkait rapat dengan tugas yang diberikan tenaga pengajarnya. Sebagai contoh tajuk-tajuk tugas dapat membantu menambahkan kefahaman dan minat para pelajar terhadap subjek tersebut.

Seramai 115 (57.5%) responden bersetuju bahawa tugas memainkan peranan penting membantu kefahaman dan minat mereka terhadap aspek-aspek tertentu dalam subjek TITAS(rujuk Rajah 4.1). Namun begitu, tajuk-tajuk tugas wajarlah meliputi keseluruhan subjek TITAS. Ini disebabkan masih kedapatan responden yang terkeliru mengenai pernyataan “Hudud dan Qisas tidak terdapat dalam syaria Islam”(rujuk Rajah 4.2). Didapati 97 orang (48.5%) responden memberikan jawapan ‘kurang pasti’. Taburan jawapan responden dapat dilihat dalam rajah-rajah di halaman sebelah.

Rajah 4.1: Tugas membantu kefahaman Dan minat




Rajah 4.2: Hudud & Qisas tidak terdapat dalam Syariah Islam.





Walau bagaimanapun, faktor kemahiran pensyarah dalam metodologi pengajaran dan pembelajaran haruslah dipandang serius. Kebanyakan responden kurang berpuashati dengan kemampuan pensyarah menjadikan subjek ini menarik. Seramai 99 orang (49.5%) berpendapat kemampuan pensyarah mereka adalah ditahap sederhana, 37 orang (18.5%) merasa jemu, dan 45 orang (22.5%) sahaja yang mengatakan subjek TITAS menarik dan menyeronokkan (rujuk Rajah 4.4). Hal ini, diparahkan lagi dengan kurangnya proses intraksi dan perbincangan dengan pensyarah, sama ada di dalam kuliah atau luar masa kuliah. Seramai 76 orang responden (38%) memberikan jawapan ‘sekali sekali’ terhadap pernyataan “Kekerapan anda berbincang dengan pensyarah”. Lihat dalam rajah di bawah;

Rajah 4.3: Kekerapan perbincangan pelajar, pensyarah.



Justeru itu, kehadiran mereka ke kuliah semata-mata bimbangkan tertinggal kuiz yang biasanya diadakan setiap kali sesi pengkuliah. Misalnya, seramai 43 orang (21.5%) memberikan jawapan 'sangat setuju' dan 69 orang (34.5%) 'bersetuju' bahawa kehadiran mereka ke kuliah adalah semata-mata bimbangkan tertinggal kuiz, bukan kerana minat kepada subjek tersebut (rujuk Rajah 4.5). Taburan reaksi mereka dapat dilihat dalam rajah-rajah di bawah ini.

Rajah 4.4: Pengajaran TITAS menarik minat. Rajah 4.5: Hadir kuliah kerana kuiz.



Kajian ini juga mendapati sambutan pelajar terhadap subjek TITAS adalah kurang menggalakkan. Daripada 200 responden yang dikaji, 118 (59%) mengatakan tidak berminat untuk mengambil kursus TITAS I, seandainya ditawarkan sebagai kursus elektif. Hanya 41% (82) orang sahaja yang memberikan jawapan 'ya'.

Jadual 4.41: Terus mengambil kursus TITAS I sebagai Kursus elektif

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	ya	82	41.0	41.0	41.0
	tidak	118	59.0	59.0	100.0
	Total	200	100.0	100.0	

Sikap responden terhadap subjek TITAS 1 agak dingin. Ini dibuktikan jarang-jarang sekali mereka berjumpa, maupun berbincang dengan pensyarah TITAS. Kemungkinan wujudnya jurang komunikasi. Dalam hal ini, kajian Shukri b. Ahmad dan Wan Ab Rahman Khudzri (1993), dapat menyokong pandangan pengkaji. Dalam kajian beliau menunjukkan sikap pensyarah terhadap pelajar dalam konteks hubungan pelajar dan guru masih di tahap sederhana.¹ Justeru itu, kehadiran mereka ke kuliah adalah semata-mata terpaksa, kerana takut tertinggal kuiz yang biasa dibuat setiap sesi pengkuliah.

Kesimpulannya, kajian mengenai pandangan para pelajar terhadap kursus TITAS 1 menunjukkan matlamat kurikulumnya masih samar dan tidak menepati kehendak falsafah pendidikan negara dan maksud sebenar tamadun Islam. Dalam konteks ini, Ziauddin Sardar mendefinisikan tamadun itu sebagai pengaliran keseluruhan budaya spiritual dan materialisme.² Malahan banyak pandangan sarjana yang menegaskan tamadun Islam adalah tamadun yang wujudnya perimbangan antara kebendaan dan kerohanian.³ Pengkaji menyifatkan matlamat TITAS adalah samar tidaklah boleh dianggap sebagai satu pandangan yang keterlaluan, kerana Islam dengan segala aspek dan sistemnya tidak diketengahkan secara jujur dan ikhlas dalam kurikulum TITAS. Majoriti responden yang tanpa sebarang kepentingan bersepakat menyatakan bahawa kandungan silibus TITAS kini tidak membantu kefahaman mereka terhadap Islam. Jawapan responden dapat dirujuk melalui penganalisan SPSS. Version 10.0 sepertimana yang tertera di halaman sebelah.

¹ Shukri b. Ahmad dan Wan Ab Rahman Khudzri (1993), *op.cit.*, h.19

² Ziauddin Sardar(1992), *op.cit.*, h.1-2

³ Pengertian secara terperinci dan terfolus ada disentuh di dalam 'Bab II' (Tinjauan kajian terdahulu).

Jadual 4.44: Faedah TITAS terhadap kerjaya pelajar di masa depan.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
ValidSangat berfaedah	24	12.0	12.0	12.0
Berfaedah	91	45.5	45.5	57.5
kurang pasti	42	21.0	21.0	78.5
Tidak berfaedah	28	14.0	14.0	92.5
Tidak berfaedah langsung	15	7.5	7.5	100.0

Demikian juga pernyataan mengenai 'aspek-aspek nilai murni dan menyemai sikap rajin bekerja'. Seramai 107 responden (53.5%) 'bersetuju' dan 'sangat bersetuju' 19%. Ini dapat dirujuk kepada jadual di bawah ini;

Jadual 4.45: aspek-aspek nilai murni dan menyemai sikap rajin bekerja.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
ValidSangat setuju	38	19.0	19.0	19.0
setuju	107	53.5	53.5	72.5
kurang pasti	37	18.5	18.5	91.0
tidak setuju	13	6.5	6.5	97.5
sangat tidak setuju	5	2.5	2.5	100.0
Total	200	100.0	100.0	